

Penduduk bantah aktiviti sedut pasir

Bimbang kesan jangka panjang yang pernah dialami sebelum ini berulang

■ NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU - Ketenteraman dinikmati penduduk Kampung Pulau Manis, Serada, di sini, terganggu akibat bunyi bising dan pencemaran disebabkan aktiviti menyedut pasir sejak dua bulan lalu.

Timbalan Pengerusi Belia Kampung Pulau Manis, Ayob Deraman, 34, berkata, penduduk hairan apabila aktiviti menyedut pasir di kawasan itu dijalankan sedangkan sebelum ini tiada kelulusan diberikan selepas kerja itu dihentikan pada 2003.

"Aktiviti menyedut pasir sejak 30 tahun lalu itu dihentikan setelah berlaku hakisan dan pendapan di kawasan penempatan penduduk.

"Jadi, bila aktiviti ini dimulakan balik, kami jadi pelik. Tambah lagi, beberapa syarikat sebelum ni yang mohon untuk aktiviti menyedut pasir tak dapat kelulusan. Tapi sekarang ada pula," katanya.

Menurutnya, pihaknya bimbang penduduk akan menerima kesan buruk disebabkan aktiviti itu.

"Bila tengok ada aktiviti menyedut pasir, kita bimbang kesan jangka panjang yang pernah dialami penduduk seperti yang berlaku sebelum

ini kembali berulang.

"Kami barisan kepimpinan masyarakat Kampung Pulau Manis membantah sekeras-kerasnya aktiviti ini atas beberapa faktor yang mengancam kesejahteraan dan keselamatan penduduk," katanya.

Sementara itu, wakil penduduk, Mustaffa Abas, 77, berkata, kesan aktiviti menyedut pasir yang bermula sejak 1970 di kampung itu masih dirasakan sehingga kini.

Menurutnya, aktiviti menyedut pasir itu menyebabkan hakisan yang membahayakan tanah kebun dan memberi kesan kepada pendapatan penduduk yang tinggal berhampiran kawasan sungai.

"Sungai ini sumber pendapatan penduduk dan kegiatan menyedut pasir menyebabkan sumber air terjejas.

"Aktiviti menyedut pasir ini akan menjejaskan kebersihan air sungai seterusnya menyebabkan hakisan tebing sungai rumah pam air di Kampung Baru, Serada yang kedudukannya tidak sampai satu kilometer dari lokasi itu," katanya.

Dalam pada itu, Pentadbir Tanah Pejabat Tanah Daerah Kuala Terengganu, Datuk Mohd Akil Mat berkata, pihaknya akan menyasat per-



Keadaan tebing sungai di mana lokasi aktiviti menyedut pasir dijalankan sejak dua bulan lalu.

kara itu.

"Setakat ini kita belum terima sebarang surat mengenai bantahan penduduk terhadap aktiviti sedut pasir itu.

"Kita akan siasat dan nilai kembali projek itu sama ada dapat kelulusan atau tidak. Malah, kita akan pertimbangkan dan kaji balik permohonan penduduk," katanya.